

KOMPOSISI TANGKAPAN, PERHUBUNGAN BERAT - PANJANG
DAN SIFAT - SIFAT TUMBESARAN IKAN - IKAN NEMIPTERIDAE
YANG DITANGKAP DI PERAIRAN NEGERI TERENGGANU,
LAUT CHINA SELATAN

Nordin Bin Ismail

FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDRA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
1985/86

KOMPOSISI TANGKAPAN, PERHUBUNGAN BERAT-PANJANG
DAN SIFAT-SIFAT TUMBESARAN IKAN-IKAN NEMIPTERIDAE
YANG DITANGKAP DI PERAIRAN NEGERI TERENGGANU,
LAUT CHINA SELATAN.

Oleh

NORDIN BIN ISMAIL

Laporan projek ini merupakan sebahagian
daripada keperluan untuk mendapatkan Ijazah
Sains (Perikanan).

FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDERA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

Oktober, 1985.

1000382909

PENGHARGAAN

Pertama-tamanya ingin melahirkan perasaan syukur saya kehadrat Allah s.w.t. kerana dengan keizinan dan lempah kurnianya telah memberi kesempatan untuk saya menyudahkan projek ini dengan jayanya.

Tidak lupa saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Dr. Mohd. Azmi b. Ambak di atas kesudian dan kesanggupan beliau untuk menjadi penyelia dan memberi bimbingan yang berguna bagi menjayakan projek ini.

Seterusnya saya rakamkan ucapan terima kasih kepada Encik Mohd. Zaki b. Said sebagai pembaca kedua dan En. Mohd. Zaidi b. Zakaria kerana telah sudi melapangkan masa beliau memberikan segala bentuk pertolongan yang berharga.

Istimewa sekali untuk Ayah dan Bonda serta keluarga yang telah menyedarkan diri ini betapa pentingnya ilmu pengetahuan dan juga telah memberi dorongan disepanjang masa pengajian di Universiti Pertanian Malaysia.

Akhir sekali kepada semua rakan-rakan bahawa jasa kamu semua tidak akan dilupakan, semoga Allah memberkati atas segala pertolongan yang telah diberikan.

Nordin Ismail

27 Oktober 1985.

ABSTRAK

Satu kajian mengenai dinamik populasi ikan-ikan Kerisi yang telah ditangkap di laut dalam Laut China Selatan telah berjaya dijalankan. Spesis-spesis ikan Kerisi yang telah dikaji ialah *N. nemurus*, *N. marginatus*, *N. tambuloides* dan *N. nematophorus*.

Perkara-perkara yang cuba didapatkan melalui kajian ini ialah untuk mengetahui komposisi tangkapan, kaitan berat-panjang dan juga untuk mendapatkan parameter-parameter tumbesaran iaitu panjang asimptot (L_{∞}), konstan tumbesaran (K) dan umur ikan pada panjang kosong (t_0).

Disamping itu kajian ini juga bertujuan untuk menganggarkan kepadatan stok ikan-ikan Kerisi di kawasan kajian.

ABSTRACT

A study on the population dynamics of the threadfin bream caught from the deep seas of the South China Sea has been carried out successfully. The threadfin bream species studied were *N. nemurus*, *N. marginatus*, *N. tambuloides* ; dan *N. nematophorus*.

The aim of this study were to obtain information on composition, length-weight relationship and also to obtain the growth parameters such as the asymptotic length (L_{∞}), the growth constant (K) and the age of fish when its length is zero (t_0) for the four *Nemipterus* species.

In addition, this study was also aimed to estimate the stock density of the threadfin bream in the study area.